



SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,
TINGKAT 19,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN.



Tel : 03-5514 2134 (Terus)
: 03-5544 7043
: 03-5544 7045
Fax : 03-5510 3062

**'KEJUJURAN DAN KETEKUNAN'
'PRODUKTIVITI TINGGI AMALAN KITA'**



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : (15) dlm. IPK. Sel.
20279/7/2Jld.7

Tarikh 6: Jamadilawal 1431 H
21 April 2010

Semua Ketua Jabatan/Agensi Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Datuk Bandar, Bandar Raya/Yang Dipertua Majlis Perbandaran/Daerah
Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Setiausaha Bahagian/Timbangan Pengarah/Ketua Penolong Setiausaha,
Sekretariat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Y.A.D./Y.Bhg. Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan

SURAT HEBAHAN SUK BIL. 14 TAHUN 2010

**MAKLUMAN MENGENAI PEMASANGAN LCD 42" DI SELURUH PREMIS
BANGUNAN JABATAN PERSEKUTUAN, AGENSI KERAJAAN & KERAJAAN
NEGERI SECARA PERCUMA OLEH BRIDGE-IT SYSTEMS SDN. BHD. DAN
KEPUTUSAN MESYUARAT EXCO-MTES BIL. 6/2009**


Dengan segala hormatnya dilampirkan sesalinan surat yang saya terima
daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Malaysia
bertarikh 5 April 2010 mengenai perkara di atas.

2. Y.A.D./Y.Bhg. Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan sekalian diminta
mengambil perhatian akan para 1 hingga 6 surat berkenaan dan juga cabutan
daripada Keputusan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri pada 25 Februari 2009
telah menolak cadangan pemasangan 'Indoor Advertising Display' secara
percuma di pejabat-pejabat Kerajaan selaras dengan dasar Kerajaan Negeri
yang tidak dapat mempertimbangkan lagi sebarang projek penswastan.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATO' RAMLI BIN MAHMUD)



Handwritten notes:
 SMC/KAS
 Kite
 kate
 roll
 ada
 wites
 m/ES
 Lina
 mae
 proposal
 kuta
 fadiah
 bawie
 14/4/10



Fail Tuan :
 Fail Kami : (28)MITI/PJ/PNP/909/2/1
 Tarikh : 5 April 2010



SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN I

Y.B. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

MAKLUMAN MENGENAI PEMASANGAN LCD 42" DI SELURUH PREMIS BANGUNAN JABATAN PERSEKUTUAN, AGENSI KERAJAAN & KERAJAAN NEGERI SECARA PERCUMA OLEH BRIDGE-IT SYSTEMS SDN. BHD.

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

- Untuk makluman pihak Y.B. Datuk/Dato'/tuan/puan, Program Pengiklanan Usahawan 2009 anjuran MECD (sebelum pembubaran) adalah bertujuan untuk membantu usahawan Bumiputera mengiklankan produk / perkhidmatan mereka menerusi 26 agensi media yang telah dilantik oleh Kementerian. Kementerian akan menaja separuh daripada kos pengiklanan usahawan Bumiputera yang berdaftar menerusi sistem yang telah disediakan pada 2 Februari 2009.
- Syarikat Bridge-IT Systems telah dilantik sebagai salah satu panel media bagi tujuan pengiklanan usahawan melalui set televisyen plasma. Menerusi program tersebut, hanya 2 (dua) usahawan Bumiputera sahaja yang berdaftar untuk mengiklankan produk mereka di set televisyen milik Bridge-IT Systems Sdn. Bhd.
- Walaupun bagaimanapun, Bridge-IT Systems adalah didapati telah menyalahgunakan surat perlantikan daripada MECD (sebelum pembubaran) sebagai panel media bagi Program Pengiklanan Usahawan 2009 untuk tujuan selain daripada pengiklanan kepada usahawan Bumiputera yang berdaftar semasa program tersebut.



Handwritten signature:
 Dato' Ramli Mahmud
 14/4/10

DATO' RAMLI MAHMUD
 Setiausaha Kerajaan Negeri
 SELANGOR.

CABUTAN DARIPADA KEPUTUSAN MESYUARAT MAJLIS MESYUARAT
KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN KE 7 / 2009 YANG DIADAKAN
PADA 25 FEBRUARI 2009 YANG TELAH DISAHKAN OLEH MAJLIS MESYUARAT
KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN KE 8 / 2009 PADA
4 MAC 2009

5. KEPUTUSAN MESYUARAT EXCO-MTES BIL. 6 / 2009, PADA 20 FEBRUARI 2009

KERTAS-KERTAS EXCO-MTES BIL. 6 / 2009

5.1. Kertas EXCO-MTES No.: 1 / 6 / 2009

Pemasangan *Indoor Advertising Display* Secara Percuma di
Pejabat-Pejabat Kerajaan Negeri Selangor
Daripada: Bahagian Khidmat Pengurusan, SUK

Bil.(9)dlm.IPK.Sel.(S) 2131/7
IPK. Sel. (R) 505 Jld. 141 (1)

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah menimbang dan
bersetuju menolak cadangan pemasangan *Indoor Advertising Display*
secara percuma di Pejabat-Pejabat Kerajaan Negeri Selangor selaras
dengan dasar Kerajaan Negeri yang tidak mempertimbangkan lagi
sebarang projek penswastaan.

Tindakan: Setiausaha Bahagian,
Bahagian Khidmat Pengurusan, SUK


Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Selangor